

## **SIARAN AKHBAR**

---

## **PRESS STATEMENT**

S.A. 2017/12/98 (HQ)

### **BEKALAN ELEKTRIK DI JOHOR BAHRU HAMPIR PULIH SEPENUHNYA**

Semua pengguna yang terlibat dengan gangguan bekalan elektrik di sebahagian Johor Bahru berikutan kerosakan Pencawang Masuk Utama (PMU) Perling kelmarin, sudah pun mendapat bekalan elektrik masing-masing.

Namun pusat membeli-belah AEON Bukit Indah, Paradigm Mall dan Country Garden pula menggunakan set janakuasa tunggu sedia masing-masing.

“Ketiga-tiga kompleks membeli-belah itu dijangka mendapat bekalan elektrik sepenuhnya dari grid tengah malam esok,” kata Pengurus Besar Kanan (Distribution Network), Bahagian Pembahagian TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood.

“TNB kesal atas apa yang berlaku dan memahami kesulitan yang dihadapi pengguna. Fokus utama kami sekarang ialah memberikan bekalan elektrik sementara kerosakan sedang giat dibaik pulih,” kata Wan Nazmy.

Bagi mendapatkan maklumat terkini bekalan elektrik, pengguna di kawasan terbabit dinasihatkan untuk merujuk kepada Facebook TNB CareLine atau menghubungi talian TNB Careline 15454, kata beliau.

**Dikeluarkan di Johor Bahru, Johor pada 14 Disember 2017, jam 8.00 malam**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Datuk Omar Sidek (013-341 8988) atau e-mel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*